## KOSMO – 30 DECEMBER 2014

## NEW HOONG FATT FOCUSES ON EXPANDING EXPORT MARKET

## New Hoong Fatt tumpu luaskan pasaran eksport

KUALA LUMPUR - New Hoong Fatt Holdings Bhd. (New Hoong Fatt) akan memberi tumpuan untuk mengembangkan pasaran eksportnya pada tahun depan.

Syarikat yang merupakan peneraju pengeluar alat ganti automotif itu kini memiliki lebih daripada 50 buah negara di seluruh negara dan pasaran utamanya ialah Thailand, Arab Saudi, Mesir, Dubai dan Mexico.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin berkata, pasaran eksport kini menyumbang sebanyak 42 peratus daripada jumpat pendapatan dan syarikat turut melihat potensi pasaran ASE-AN, China, Amerika Latin dan Timur Tengah sebagai pasaran utamanya pada masa depan.

<sup>6</sup>Kami optimis dan komited untuk sentiasa mencari pasaran dan peluang baharu untuk memasarkan produk keluaran ke luar negara.

"Disebabkan faktor itu, kami turut mengambil bahagian dalam ekspo-ekspo di luar negara dan terbaharu ialah Automechanika Shanghai 2014 di China," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut Jit Sin, syarikat telah berjaya memperoleh padanan perniagaan daripada 47 negara di ekspo yang telah berlangsung pada awal Disember lalu.

Pada awal tahun 2015, New Hoong Fatt akan mengambil bahagian dalam pameran di Taiwan dan Dubai.



PENGERUSI Eksekutif New Hoong Fatt, Kam Foong Keng (tiga dari kiri) bersama kakitangan syarikat pada Pameran Automechanika di Shanghai, China baru-baru ini.